



MEMO

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

RUJUKAN : CIAST 100-1/7/1(49)

TARIKH : 24 Mac 2015

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN BIL. 4 TAHUN 2015 PEMULANGAN ASET ICT APABILA PEGAWAI BERTUKAR ATAU BERSARA	
KEPADA : Semua Kakitangan CIAST	SALINAN : KP JPK TP, KP/KB
DARIPADA : Pengarah CIAST	

1. TUJUAN

Tujuan arahan ini adalah untuk memaklumkan mengenai tanggungjawab pegawai yang akan bertukar keluar dari CIAST supaya menyerahkan aset ICT di bawah kawalannya kepada Pegawai Aset ICT, Program PEM.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Arahan Pengurusan Bil 1 Tahun 2010 menetapkan supaya semua pegawai dan kakitangan yang akan meninggalkan jawatan disebabkan bertukar atau bersara hendaklah menyediakan Nota Serah Tugas Jawatan yang akan dikosongkan SEBELUM meninggalkan jawatan berkenaan.
- 2.2 Dasar Keselamatan ICT CIAST bertarikh 24.2.2014 perkara 0301 pula menghendaki supaya pegawai dan kakitangan yang berpindah keluar dari CIAST perlu menyerahkan semua asset ICT ke bawah kawalannya kepada Pegawai Aset ICT.

3. ARAHAN

- 3.1 Selaras dengan Arahan Pengurusan (AP) Bil. 1 Tahun 2010 dan Dasar Keselamatan ICT CIAST, semua pegawai dan kakitangan yang akan meninggalkan jawatan

disebabkan bertukar atau bersara hendaklah menyediakan Nota Serah Tugas Jawatan (NSTJ) dengan menggunakan format yang ditetapkan (CIAST KP6).

- 3.2 Pegawai dan kakitangan yang akan bertukar atau bersara hendaklah menyenaraikan aset ICT yang di bawah kawalannya dalam senarai harta benda/peralatan pejabat dalam Nota Serah Tugas Jawatan.
- 3.3 Aset ICT yang disenaraikan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Aset ICT, PEM bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan aset ICT dapat dibuat sebelum diserahkan kepada pegawai baru.
- 3.4 Simpan rekod serahan aset ICT di Bahagian/Program masing-masing untuk rujukan dan tindakan susulan mendapatkan aset ICT berkenaan apabila pegawai baru melapor diri.

4. TARIKH KUAT KUASA


Arahan Pengurusan ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan arahan di atas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi "



(SUIMI BIN ABD MAJID)

Pengarah CIAST

KBKP/ap/ap15.4 Pemulangan Komputer